

**PRINSIP AL-WIQAYAH DALAM KELESTARIAN ALAM SEKITAR***'Ainul Mardhiah, Z. (Corresponding author)*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, MalaysiaE-mail: [ainulmardhiah@usas.edu.my](mailto:ainulmardhiah@usas.edu.my)*Zul-kifli, H.*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, MalaysiaEmail: [zul-kifli@usas.edu.my](mailto:zul-kifli@usas.edu.my)**ABSTRAK**

“Mencegah lebih baik daripada mengubati” merupakan prinsip penting yang ditekankan di dalam al-Quran sebagai panduan untuk mencegah bahaya sebelum merawat. Al-Quran banyak menekankan langkah pencegahan atau prinsip *al-wiqayah* bagi membendung diri daripada terjerumus ke lembah bahaya dan kemudaran. Satu prinsip penting yang ditekankan di dalam Islam ialah “*dirham al-wiqayah khairun min qintar al-ilaj*” yang bermaksud “usaha pencegahan yang sedikit lebih baik daripada usaha merawat yang berkali ganda banyaknya. Islam sangat menitikberatkan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar agar kelestarian alam terus terpelihara. Hal ini bagi memastikan alam sekitar kekal harmoni, selesa dan seimbang untuk didiami oleh seluruh penduduk bumi. Justeru, kertas kerja ini cuba menganalisis peranan prinsip *al-wiqayah* dalam usaha melestarikan alam sekitar. Bagi mencapai objektif tersebut, reka bentuk kualitatif adalah dilihat menepati isu yang dikaji dan teknik analisis dokumen pula digunakan sebagai kaedah bagi mendapatkan data. Pemilihan ayat-ayat al-Quran pula dilakukan menggunakan kaedah sampel bertujuan (*purposive sampling*). Bagi memastikan daptan dihasilkan secara objektif, maka data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa prinsip *al-wiqayah* berperanan dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar demi kelangsungan generasi akan datang.

**Keywords:** alam sekitar; *wiqayah; fiqh al-biah*; kelestarian alam; pemeliharaan alam.

**ABSTRACT**

“Prevention is better than cure” is an important principle emphasized in the Qur'an as a guide to prevent danger before treatment. The Qur'an emphasizes many preventive measures or the principle of *al-wiqayah* to restrain oneself from falling into the valley of danger and harm. An important principle emphasized in Islam is “*dirham al-wiqayah khairun min qintar al-ilaj*” which means a little preventive effort is better than a multiple cure effort. Islam places great emphasis on the preservation and conservation of the environment so that the sustainability of nature continues to be preserved. This is to ensure that the environment remains harmonious, comfortable and balanced to be inhabited by all of the inhabitants of the earth. Thus, this paper attempts to analyze the role of the principles of *al-wiqayah* in efforts to preserve the

environment. To achieve these objectives, qualitative design was seen to suit the issue studied and document analysis technique was used as a method to obtain data. The selection of Quranic verses was done using purposive sampling. To ensure that the findings were produced objectively, the data were analyzed using thematic analysis. The findings show that the principle of *al-wiqayah* plays a role in preserving and conserving the environment for the survival of future generations.

**Keywords:** environment; *al-wiqayah*; *fiqh al-biah*; environmental sustainability; nature conservation.

---

## 1.0 Pengenalan

Dunia pada hari ini sedang berhadapan dengan pelbagai isu alam sekitar yang kian mencabar. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kepada seluruh masyarakat dunia begitu juga Malaysia. Krisis alam sekitar yang melanda di kebanyakan negara di dunia pada hari ini sangat berkait rapat dengan sikap, perlakuan dan etika manusia itu sendiri (Ayob & Abdullah Chik, 2016). Puncu utama berlakunya kerosakan dan kemusnahan alam adalah disebabkan oleh sikap manusia yang lupa akan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah swt kepada mereka iaitu memelihara serta memanfaatkan anugerah ciptaan-Nya. Akibat dari kelalaian tersebut, berlakunya bencana alam hingga membawa kepada kehilangan jiwa, tempat tinggal, harta benda, habitat haiwan dan tumbuh-tumbuhan (Rahman, 2018). Firman Allah swt yang bermaksud:

“Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia; Allah menghendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar). (Q.S. Ar-Rum 30: 41)

Faktor lain yang turut menyumbang kepada krisis pencemaran alam sekitar ini juga berkait dengan kefahaman keagamaan manusia itu sendiri. Fiqh kadangkala hanya difahami dalam hal yang berkaitan dengan persoalan hubungan manusia dengan manusia sahaja. Adapun hubungan manusia dengan alam diabaikan seolah-olah ia sesuatu yang terpisah dari nilai agama (Raswan, 2020). Pemisahan di antara kehidupan dunia dan agama juga dianggap sebagai penyumbang kepada krisis alam sekitar yang berlaku (Abedi-Sarvestani & Shahvali, 2008). Terdapat juga salah faham yang beranggapan bahawa setiap bencana alam yang berlaku adalah disebabkan oleh kehendak Allah swt semata-mata tanpa wujudnya unsur campur tangan manusia (Hidayat & Sanusi, 2018).

Allah swt mengurniakan potensi dan kecenderungan di dalam diri manusia untuk melakukan kebaikan dan keburukan. Potensi dan kecenderungan untuk melakukan kebaikan tersebut hendaklah dimaksimumkan kerana manusia pada akhirnya akan dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan yang dilakukan. Potensi manusia kadangkala hanya digunakan bagi memenuhi kepentingan individu dan jauh dari kehendak dan tuntutan al-Quran. Justeru, pemahaman terhadap konsep pemeliharaan diri (*wiqayah*) dapat meningkatkan kesedaran manusia akan kepentingan memelihara diri dan alam sekeliling mereka. Sebagai manusia yang menginginkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat, mereka hendaklah memelihara dan melindungi diri dari melakukan perkara yang boleh mengundang sebarang bentuk kemudaratian. Keimanan seseorang tidak hanya diukur melalui ibadah ritual semata-

mata tetapi usaha menjaga dan memelihara persekitaran juga merupakan perkara asas dalam mencapai kesempurnaan iman (Noor, 2018). Hal ini sesuai dengan maksud hadis Nabi SAW yang diriwayat oleh Muslim, no.328 bahawa “kebersihan adalah sebahagian daripada iman”.

Islam sangat menitikberatkan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Perbincangan berkaitan penjagaan alam sekitar telah dibahaskan secara meluas oleh para ulama. Al-Qardhawi (2001) berpandangan bahawa menjaga alam (*hifz al-biah*) termasuk dalam perbahasan *al-dharuriyyāt al-khams* di dalam maqasid syariah. Pengabaian terhadap penjagaan alam sekitar (*hifz al-biah*) secara tidak langsung menjelaskan kelima-lima objektif syariah dapat dicapai dengan sempurna. Mustafa Abu Sway pula berpandangan bahawa memelihara persekitaran (*bi'ah*) merupakan tambahan yang penting kepada *maqāsid syari'ah* yang lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta). Beliau mencadangkan penambahan terhadap *maqāsid syari'ah* dengan menjadikannya enam unsur penting. Hal ini kerana menurut beliau setiap penjagaan terhadap lima *maqasid* tersebut tidak akan berhasil melainkan manusia itu memiliki ruang persekitaran yang baik serta berkualiti bagi meneruskan pemeliharaan unsur *maqasid* yang lain. Walau bagaimanapun, al-Qaradawi tidak melihat penjagaan alam sekitar sebagai tambahan kepada unsur *maqāsid* yang sedia ada, akan tetapi menjadikannya elemen penyokong kepada kesempurnaan bagi kelima-lima unsur *maqāsid syari'ah* yang sedia ada (Musa, 2010). Pemeliharaan persekitaran merupakan usaha bagi mencapai kemaslahatan dan mencegah kemudarat yang selari dengan maqasid syariah (Istiani & Purwanto, 2019).

## **2.0 Metodologi kajian**

Kajian ini berhasrat untuk menganalisis prinsip *al-wiqayah* dalam usaha melestarikan alam sekitar. Kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teknik analisis dokumen sebagai kaedah bagi mengumpulkan data. Penyelidik menyoroti kajian-kajian terdahulu berkaitan konsep *al-wiqayah* yang telah dibahasakan di dalam al-Quran dengan melihat konteks situasi yang digunakan. Penyelidik juga menyoroti kajian dan penulisan terdahulu berkaitan konsep pemeliharaan dan pemuliharaan alam, kelestarian alam sekitar dan usaha-usaha yang dilaksanakan bagi mengekalkan kelestarian alam. Pengumpulan ayat-ayat al-Quran pula dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Bagi memastikan dapatan dihasilkan secara objektif, maka data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*). Kaedah ini melibatkan pencarian dalam keseluruhan data untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan pola berulang dalam sesuatu kajian. Kaedah ini bertujuan menggambarkan data serta melibatkan proses memilih kod dan membina tema dalam sesuatu kajian (Michelle & Lara, 2020). Dalam konteks kajian ini, tema-tema sepanjang perbincangan tentang prinsip *al-wiqayah* akan dipilih dan seterusnya akan dirumus sebagai dapatan kajian.

## **3.0 Dapatan dan Perbincangan**

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan kajian berkaitan prinsip *al-wiqayah* dan peranannya dalam memelihara kelestarian alam sekitar.

### 3.1 Definisi *al-Wiqayah*

Kalimah *wiqayah* merupakan masdar daripada kalimah *waqa* di mana wazannya ialah **وقى - بقى - وقاية**. Menurut Zakariyya (1972), kalimah *wiqayah* bermaksud menghalangi sesuatu daripada sesuatu yang lain. Al-Asfahani (n.d.) pula mendefinisikan *wiqayah* sebagai pemeliharaan diri dari segala bentuk bahaya atau serangan yang boleh menyakiti atau memberi kecelakaan. Kalimah *wiqayah* juga membawa maksud yang sama iaitu menjaga dan memelihara. Kalimah *wiqayah* tidak ditemukan secara langsung di dalam al-Quran tetapi asal dari kalimah tersebut ditemui dalam pelbagai bentuk sebagai contohnya dengan menggunakan lafaz *fi'il madhi*, *amr* dan *isim fail* (Hasyim, 2018).

Kalimah (*وقى*) *waqa* dalam sighah lafaz *fi'il madhi* ditemukan sebanyak lima kali di dalam al-Quran. Tiga daripadanya membincangkan berkaitan pemeliharaan Allah swt terhadap hamba-Nya dari seksaan neraka, iaitu Q.S. Al-Dukhan 44: 56, Q.S. Al-Tuur 52: 18 dan 27. Dalam Surah al-Insan 76: 11 pula Allah swt menjelaskan berkaitan perlindungan-Nya terhadap hamba-Nya dari kesusahan pada hari akhirat. Adapun Surah al-Ghafir 40: 45 menjelaskan berkaitan pemeliharaan Allah swt terhadap nabi Musa dari kejahanan tipu daya Firaun.

Seterusnya kalimah (*فُو*) *qu* dan (*قِي*) *qi* dalam *sighah* perintah (*amr*) ditemukan sebanyak enam kali di dalam al-Quran. Kalimah *qu* dalam *sighah* perintah (*amr*) ditemukan sebanyak satu kali dalam bentuk jamak dalam Surah al-Tahrim 66: 6. Ia menerangkan perintah Allah swt terhadap orang-orang beriman untuk memelihara diri dan keluarga dari api neraka. Adapun kalimah *qi* dalam *sighah* (*amr*) dalam bentuk mufrad pula ditemukan sebanyak lima kali di dalam al-Quran. Empat daripadanya menjelaskan tentang doa orang-orang yang beriman agar dipelihara oleh Allah swt dari seksa neraka iaitu Q.S. Al-Baqarah 2: 201, Q.S. Al-Ghafir 40:7, Q.S. Ali Imran 3: 16 dan 131 manakala Surah al-Ghafir 40:9 menjelaskan berkaitan doa orang beriman agar dipelihara oleh Allah swt dari bencana pada hari kiamat.

Adapun (*واق*) *waq* dalam bentuk *isim fail* ditemukan sebanyak tiga kali yang menjelaskan tentang tidak ada yang dapat memelihara manusia dari seksaan selain Allah swt sama ada seksaan pada hari kiamat dalam Q.S. Ghafir 40:21 dan seksaan neraka dalam Q.S. Al-Ra'd 13: 34 dan 37. Keseluruhan terdapat 10 daripada keseluruhan 14 ayat yang menjelaskan berkaitan *wiqayah* adalah berkaitan dengan pemeliharaan diri dari seksa api neraka dalam konteks yang berbeza-beza (Haddade, 2018).

Jadual 1. Ringkasan kalimah *wiqayah* dalam al-Quran

Kalimah	Bentuk kalimah	Kekerapan	Ayat	Tema
(الْفُو) <i>waqa</i>	<i>Fi 'il madhi</i>	4 kali	Q.S. Al-Dukhan 44: 56 Q.S. Al-Tuur 52: 18 Q.S. Al-Tuur 52: 27 Q.S. Al-Insan 76: 11	Pemeliharaan Allah swt terhadap hamba-Nya dari seksa neraka
		1 kali	Q.S. Al-Ghafir 40: 45	Pemeliharaan Allah swt terhadap nabi Musa dari kejahanan tipu daya Firaun.
(الْقِي) <i>qu</i>	<i>Fi 'il amar jamak</i>	1 kali	Q.S. Al-Tahrim 66: 6	Perintah Allah swt terhadap orang-orang beriman untuk memelihara diri dan keluarga dari api neraka.
(الْقِي) <i>qi</i>	<i>Fi 'il amar mufrad</i>	4 kali	Q.S. Al-Baqarah 2: 201 Q.S. Al-Ghafir 40:7 Q.S. Ali Imran 3: 16 Q.S. Ali Imran 3: 131	Doa orang-orang yang beriman agar dipelihara oleh Allah swt dari seksa neraka

(وَاق) <i>waq</i>	<i>Isim Fail</i>	1 kali	Q.S. Al-Ghafir 40:9	Doa orang beriman agar dipelihara oleh Allah swt dari bencana pada hari kiamat
		1 kali	Q.S. Al-Ghafir 40:21	Tidak ada yang dapat memelihara manusia dari seksaan pada hari kiamat selain Allah swt.
		2 kali	Q.S. Al-Ra'd 13: 34	Tidak ada yang dapat memelihara manusia dari seksaan neraka selain Allah swt.
			Q.S. Al-Ra'd 13: 37	

Sumber: (Haddade, H., 2018)

*Wiqayah* juga boleh dimaksudkan sebagai pengawasan dan pengawalan. Pengawasan di dalam Bahasa Arab disebut sebagai *raqabah* dan *murāqabah*. Hal ini dapat dilihat menerusi usaha mengawal dan mengawasi sesuatu perkara tersebut daripada berlaku agar tidak terjerumus ke dalam kebinasaan atau kecelakaan. Pemeliharaan ini tidaklah terhad kepada diri sendiri sahaja, tetapi apa sahaja yang dipertanggungjawabkan ke atasnya seperti yang disebutkan di dalam Q.S al-Tahrim 66: 6 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala)”.

Berdasarkan ayat di atas, Allah swt memberi arahan untuk memelihara diri dan ahli keluarga agar terselamat dari seksaan api neraka. Ibn Kathir (1999) ketika menafsirkan ayat ini menyebutkan bahawa di antara bentuk kewajipan tersebut ialah memerintahkan ahli keluarga untuk melaksanakan perkara yang baik dan melarang ahli keluarga dari melakukan kemungkaran sehingga mereka tidak terjerumus ke dalam api neraka. Perintah untuk memelihara diri dan keluarga dari seksa neraka merupakan kewajipan berdasarkan lafaz *fi'il amr* dalam ayat tersebut. Menurut Ali r.a. keluarga yang dimaksudkan dalam ayat ini termasuklah isteri, anak-anak dan hamba lelaki dan perempuan (Haddade, 2018).

Secara kesimpulannya, *al-wiqayah* dari sudut etimologinya boleh dimaksudkan sebagai pemeliharaan, pengawasan dan pencegahan. Secara terminologinya pula ia bermaksud pemeliharaan diri dari melaksanakan perbuatan yang boleh mengundang sebarang bentuk kecelakaan atau kemudaratian sama ada di dunia maupun di akhirat. Kemudaratankemudaratannya tersebut tidak lain dan tidak bukan ialah perbuatan yang melanggar batas-batas syara' sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah swt untuk dijauhi.

### 3.2 Kelestarian Alam Sekitar

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, lestari membawa maksud tidak berubah, kekal, atau tetap. Kelestarian alam ialah keadaan hutan, persekitaran dan lain-lain yang tidak berubah atau yang terpelihara seperti asal. Alam sekitar atau persekitaran bermaksud faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia. Faktor-faktor fizikal tersebut termasuklah tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi dan juga fakta-fakta sosial. Alam sekitar juga boleh didefinisikan sebagai ekosfera yang mengandungi ekosistem-ekosistem yang saling berinteraksi. Istilah alam sekitar dalam bahasa Arab pula dikenali sebagai *al-biah* yang membawa maksud lingkungan, persekitaran atau keliling (Abdul Halim, 2020).

Kelestarian alam sekitar sangat berkait rapat dengan penciptaan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Sebagai pemimpin, manusia mempunyai hak dan tanggungjawab dalam memastikan alam sekitar sentiasa dipelihara dengan baik. Agama Islam menggalakkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kerana manusia dan alam saling memerlukan antara satu sama lain. Pencemaran alam sekitar, pembakaran hutan dan pembakaran terbuka termasuk dalam aktiviti merosakkan bumi yang dilakukan oleh tangan manusia (Markom & Hassan, 2014). Hal ini mengundang bencana seperti jerebu, peningkatan suhu global dan penipisan lapisan ozon. Allah swt telah berfirman yang bermaksud:

“Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia; Allah menghendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).” (Q.S. Al-Rum 30:41)

Dalam meneraju usaha ke arah kelestarian alam khususnya di Malaysia, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menerajui usaha ke arah Malaysia Lestari 2030. Pada dasarnya, 30 inisiatif telah dibangunkan yang berteraskan kepada empat tunjang utama. Empat teras tersebut ialah pengukuhan governan, pertumbuhan hijau, kolaborasi strategik dan keterangkuman sosial. Ia meliputi atmosfera (udara), hidrosfera (air), litosfera (darat) dan biosfera (makhluk hidup). Usaha ini dilakukan disebabkan oleh kebergantungan manusia terhadap sumber semula jadi. Perancangan yang bersifat kolaboratif dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tahap kesejahteraan alam (Kementerian Alam Sekitar dan Air, 2021).

### **3.3 Prinsip *al-Wiqayah* dalam Konteks Kelestarian Alam Sekitar**

Al-Quran banyak menekankan langkah pencegahan atau prinsip *al-wiqayah* bagi membendung diri daripada terjerumus ke lembah bahaya dan kemudaratian. Satu prinsip penting yang ditekankan di dalam Islam ialah “*dirham al-wiqayah khairun min qintar al-ilāj*” yang bermaksud usaha pencegahan yang sedikit lebih baik daripada usaha merawat yang berkali ganda banyaknya. Islam sangat menitikberatkan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar agar kelestarian alam terus terpelihara. Hal ini bagi memastikan alam sekitar kekal harmoni, selesa dan seimbang untuk didiami oleh seluruh penduduk bumi. Terdapat 16 ayat di dalam al-Quran yang boleh difahami sebagai ayat-ayat berhubung penjagaan alam sekitar (Abdul Halim & Mat Akhir, 2016). Walaupun ayat-ayat tersebut tidak menjurus secara khusus dalam menghuraikan penjagaan alam sekitar, namun ia cukup memberi kesedaran terhadap tanggung jawab manusia sebagai khalifah dalam menunaikan kewajipan memelihara dan memulihara alam sekitar.

*Al-wiqayah* merupakan sebuah konsep yang boleh digunakan dalam usaha mengekalkan kelestarian alam sekitar. Hal ini kerana *al-wiqayah* bermaksud pemeliharaan dan pencegahan daripada berlakunya kemudaratian atau kemasuhan. Kemudaratian tersebut bukanlah hanya apabila ia menimpa diri sendiri dan orang sekeliling sahaja. Ia juga termasuk kemudaratian terhadap ciptaan-ciptaan Allah yang lain khususnya alam sekitar yang dipenuhi oleh flora dan fauna. Kesedaran terhadap kepentingan memelihara alam sekitar merupakan sebahagian daripada langkah pencegahan yang boleh diambil agar kelestarian alam terus terpelihara.

Hubungan manusia dan alam sekitar sememangnya tidak dapat disangkal lagi kerana kedua-duanya saling memerlukan (Markom & Hassan, 2014). Sekiranya alam sekitar musnah, maka kehidupan manusia juga akan turut terjejas. Namun begitu, sikap manusia itu sendiri menampakkan mereka tidak mengambil peduli terhadap alam seolah-olah kedua-duanya tidak saling memerlukan. Sekiranya sikap ini tidak dikawal, ia akan mengakibatkan kemasuhanan, bukan sahaja terhadap alam, tetapi kemasuhanan yang bakal menimpa diri mereka sendiri dan generasi selepasnya. Dambaan manusia terhadap alam diibaratkan seperti dambaan seorang anak kepada ibunya kerana di situlah manusia diciptakan, tempat mendapatkan sumber makan dan minum dan di situ juga mereka akan dikebumikan (Jumuah, 2020). Allah swt berfirman yang bermaksud:

“Darinya (tanah) itulah Kami menciptakan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan dari sanalah Kami akan mengeluarkan kamu pada waktu yang lain. (Q.S. Taha 20: 55)

Dalam konteks kelestarian alam sekitar, konsep *al-wiqayah* dilihat memenuhi seruan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya kemasuhanan akibat dari perbuatan manusia itu sendiri. Islam menyeru umatnya untuk melestarikan alam sekitar dengan memelihara keindahannya. Tugas memakmurkan alam sekitar juga merupakan sebuah bentuk pengabdian seorang hamba kepada penciptanya. Prinsip ini jelas dapat dilihat dalam konteks melestarikan alam sekitar apabila kita bertindak untuk menjaga dan memelihara alam sekitar sebelum ia dicemari dan dimusnahkan. Hal ini kerana, apabila ia dicemari, ia memerlukan usaha yang maksimum untuk dipulihkan kepada keadaan asalnya. Justeru, prinsip *al-wiqayah* boleh diperaktikkan dalam usaha pemeliharaan alam sekitar bermula dari tahap individu sehingga ke peringkat tertinggi iaitu pembuat dasar.

### **3.3.1 Al- *Wiqayah* dalam Konteks Pembuat Dasar Alam Sekitar**

Prinsip *al-wiqayah* dapat dilihat melalui usaha yang telah dilaksanakan dalam mengekalkan kelestarian alam. Bagi tujuan penguatkuasaan terhadap sebarang aktiviti pencemaran alam sekitar, Parlimen telah meluluskan beberapa statut bagi tujuan tersebut. Antaranya ialah Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Perikanan 1985, Akta Taman Negara 1980, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Pemeliharaan Babi 1984, Akta Perlombongan Petroleum 1972, Akta Air 1920, Akta Pemuliharaan Tanah 1960 dan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (Mohamad, 2018).

Selain itu, usaha memperkasakan undang-undang yang telah digubal agar ia tidak dipandang enteng dan sepi oleh perosak alam sekitar juga merupakan sebahagian daripada bentuk pemeliharaan yang boleh dilaksanakan. Pemberatan dalam memberikan hukuman kepada perosak alam sekitar, pengusaha perumahan, kilang-kilang industri, peneroka-peneroka, masyarakat yang membuang sampah dan sesiapa sahaja yang melakukan kerosakan dan pencemaran alam sekitar perlulah setimpal. Hal ini agar dapat memberi kesan dan keinsafan di dalam diri si pelaku dan masyarakat sekeliling (Mustafar et al., 2020).

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) juga telah menerajui usaha ke arah Malaysia Lestari 2030. Ia juga dilihat sebagai sebahagian langkah pemeliharaan dan pencegahan yang mempunyai objektif bersasar. Antara pelan yang telah dirancang ialah pelan Ekonomi Hijau,

Produk dan Servis MyHijau Mark, Inovasi Teknologi Hijau, Amalan Bangunan Hijau, Penubuhan Fasiliti ‘Kekayaan Dari Sisa’, Pelan Halatuju Malaysia ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna (2018-2030), Kadar Kitar Semula Sisa Buangan Terjadual dan Penubuhan Yayasan Kelestarian Malaysia (MyAlam) (Kementerian Alam Sekitar dan Air, 2021).

### **3.3.2 *Al-Wiqayah* dalam Konteks Pemerksaan Pendidikan Alam Sekitar**

Prinsip *al-wiqayah* dalam Pendidikan Alam Sekitar dilihat sebagai inisiatif awal bagi membendung pencemaran alam sekitar. Ia merupakan usaha terancang yang dilakukan untuk mendidik masyarakat sama ada secara formal atau tidak formal. Prosesnya meliputi pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar. Pendidikan telah diterima sebagai satu alat yang asas untuk mengawal alam sekitar dan pembangunan lestari. Pengajaran Pendidikan Alam Sekitar berkait rapat dengan matlamat negara untuk membina masyarakat yang sensitif dan memiliki pengetahuan, kemahiran dan nilai yang tepat terhadap isu alam sekitar. Ia juga berkeupayaan untuk memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah alam sekitar. Pendidikan khususnya berkaitan alam sekitar telah dilihat sebagai antara instrumen yang paling berkesan dalam menangani permasalahan alam sekitar (Rahman, 2018).

Menurut Kamaruddin (2019), kesedaran sivik masyarakat masih berada pada tahap yang lemah terhadap isu-isu alam sekitar. Subjek khusus mengenai pendidikan alam sekitar dalam silibus sekolah juga masih belum diperkasakan. Namun begitu, walaupun tidak ada silibus khusus mengenai kesedaran alam sekitar, pendidikan alam sekitar masih berlaku di sekolah di mana ia meliputi dalam semua subjek secara tidak langsung di sekolah. Pendedahan terhadap aktiviti pendidikan alam sekitar sama ada di dalam kelas atau di luar bilik darjah juga dilihat dapat mempengaruhi tahap pengetahuan dan kesedaran pelajar terhadap persekitaran. Kesedaran tentang pendidikan alam sekitar dapat dicapai melalui kerjasama sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

Kurikulum di peringkat sekolah rendah, menengah mahupun pengajian tinggi perlu ditambah baik bagi memberi pengetahuan di peringkat awal agar kesedaran dalam penjagaan alam sekitar dapat direalisasikan. Kemajuan negara yang kian membangun akan mengakibatkan pelbagai pencemaran yang bakal berlaku. Ilmu yang dibekalkan dapat digunakan dalam menangani isu-isu alam sekitar yang berlaku di sekeliling mereka. Natijahnya, negara mampu melahirkan individu-individu yang peka dan cakna dalam menangani isu-isu berkaitan alam sekitar (Mustafar et al., 2020).

### **3.3.3 *Al-Wiqayah* dalam Konteks Individu, Keluarga dan Masyarakat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar**

Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sama sekali tidak akan berhasil dengan hanya melepaskan tanggungjawab tersebut kepada pihak tertentu sahaja. Ia bermula dari peringkat individu seterusnya keluarga dan akhirnya membentuk kelompok masyarakat. Prinsip *al-wiqayah* boleh bermula dari motivasi dalaman yang mendorong seseorang mengambil sesuatu tindakan. Teori motivasi menjelaskan bahawa salah satu faktor pendorong

utama adalah dengan menetapkan matlamat yang jelas. Kejelasan matlamat di sini boleh merujuk kepada ganjaran yang bakal didapati sekiranya sesuatu tindakan itu dilakukan. Dalam konteks pemeliharaan alam sekitar, ia merujuk kepada matlamat yang jelas yang dapat mendorong seseorang melakukan tindakan dan sikap yang baik terhadap alam sekitar dan ganjaran yang bakal didapatinya (Ibrahim, 2002). Ajaran Islam jelas menggariskan perkara ini menerusi firman-Nya yang bermaksud:

“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjah, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Q.S. Al-An'am 6: 165)

Melalui ayat di atas, apabila seseorang itu jelas akan tanggungjawabnya sebagai khalifah di muka bumi, maka dia akan menghasilkan kesedaran untuk bertindak dan memikirkan natijah yang akan diperolehnya sekiranya dia berbuat baik terhadap alam. Menurut Abdul Halim (2020), sifat *muhsinin* merupakan salah satu sifat yang perlu ada dalam diri setiap individu bagi mewujudkan kesedaran terhadap tugas sebagai hamba Allah swt khususnya dalam konteks pemeliharaan alam sekitar. Hal ini kerana seseorang yang mempunyai sifat *muhsinin* akan berfikir bahawa segala tindak tanduk yang dilakukannya akan memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Shihab (2002) ketika menghuraikan istilah *muhsinin* menyebut bahawa *muhsinin* merupakan salah satu sifat yang menggambarkan kemuncak kebaikan seorang muslim. Sifat ini mampu membentuk jiwa seseorang itu ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara dengan melihat natijah atau manfaatnya kepada orang lain tanpa memikirkan kepentingan diri sendiri dan tidak mengharapkan ganjaran.

Antara sikap yang patut dibina di peringkat individu ialah dengan menjadikan amalan mesra alam sebagai praktis harian. Amalan-amalan harian ini mungkin kelihatan kecil namun ia cukup penting dalam persoalan kesejahteraan alam sekitar. Sebagai contohnya membawa bekas ketika membeli makanan di luar, membawa beg ketika membeli belah bagi mengelakkan penggunaan beg plastik, mengelakkan pembaziran air dan meminimumkan penghasilan sampah. Apabila peringkat individu telah selesai, maka kerjasama di antara ahli keluarga juga boleh dibentuk. Ketua keluarga berperanan dalam mendidik ahli keluarganya untuk melazimi amalan mesra alam ini. Akhirnya, ia bertukar menjadi praktis harian sehingga boleh menimbulkan perasaan bersalah sekiranya kita tidak melaksanakan perkara tersebut.

Dalam konteks masyarakat pula, ia memerlukan komitmen dan kerjasama erat yang tinggi oleh setiap anggota masyarakat. Sebagai contohnya, setiap individu di dalam komuniti bersama-sama menanam sebatang pokok setiap seorang, atau setiap ahli masyarakat berusaha untuk tidak membuang sampah merata-rata dan mengamalkan kitar semula dan guna semula. Tindakan yang dibuat bersama-sama pastinya akan mendatangkan hasil yang ketara. Apa yang penting adalah kemuafakatan dan semangat kerjasama dalam melakukan perkara kebajikan serta mengelakkan kemusnahan dan kerosakan. Sikap kerjasama dan kemuafakatan ini juga boleh diperluaskan lagi dalam aspek mengelakkan kemungkar atau kerosakan. Penting bagi setiap anggota masyarakat untuk saling tegur-menegur antara satu sama lain sekiranya kita tahu tindakan yang dilakukan itu merupakan satu kesalahan. Misalnya kita tahu bahawa pembuangan sisa ke kawasan tadahan air boleh mengakibatkan pencemaran, maka perbuatan itu haruslah ditegah dengan apa cara sekalipun (Ibrahim, 2002).

## 4.0 KESIMPULAN

Satu nafas baharu perlu diberikan dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar agar kelestarian alam terus dipelihara untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Usaha pemeliharaan pada peringkat individu sehingga ke peringkat pembuat dasar perlu diperkuuhkan dengan mengambil prinsip *al-wiqayah* sebagaimana yang telah diterapkan di dalam al-Quran. Sikap manusia yang tidak mengambil peduli terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya dan menggunakan potensi kemanusiaan hanya bagi memenuhi kepentingan individu secara tidak langsung membawa manusia lebih jauh dari kehendak dan tuntutan al-Quran (Hasyim, 2018). Justeru, manusia sentiasa memerlukan peringatan dan kesedaran agar sentiasa memelihara diri dan persekitarannya daripada melakukan perbuatan yang boleh mengundang kebinasaan dan kemudaratian.

## 5.0 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian lanjutan berkaitan konsep *al-wiqayah* dalam aspek-aspek yang lain boleh diteruskan. Hal ini kerana usaha pencegahan yang sedikit lebih baik daripada usaha merawat yang berkali ganda banyaknya. Ia akan mengambil tempoh dan kos yang besar untuk kembali kepada keadaan asalnya. Pemeliharaan dan pencegahan ini tidak terhad dalam aspek kelestarian alam sekitar, tetapi juga dalam aspek-aspek yang lain. Sebagai contohnya, *wiqayah* dalam aspek kesihatan awam dan kesihatan mental, ketagihan gajet dan aspek-aspek lain yang boleh mengundang kecelakaan dan kemudaratian. Dapatkan kajian yang bakal diperoleh akan memberi kesedaran kepada semua pihak terhadap kepentingan mengambil langkah pencegahan sebelum mendapatkan rawatan.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, I. (2020). Isu-Isu Alam Sekitar di Malaysia Menurut Pandangan Pakar: Satu Analisis Perbandingan Berdasarkan Tafsir Al-Misbah. *Borneo Akademika*, 4(2), 42-52.
- Abdul Halim, I., & Mat Akhir, N. S. (2016). Tafsir Ayat-Ayat Al-Quran Berkennaan Penjagaan Alam Sekitar dan Analisis Isu-Isu Alam Sekitar di Malaysia. *Afkar Vol. 18 Issue 1*, 91-130.
- Abedi-Sarvestani, A., & Shahvali, M. (2008). Environmental Ethics: Toward an Islamic Perspective. *American-Eurasian Journal of Agricultural and Environmental Sciences*, 3(4), 609-617.
- Al-Asfahani, A.R. (n.d.). *Al-Mufradat fī Garib al-Qur'an*. Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.
- Al-Qardhawi, Y. (2001). *Ri'ayah Al-Biah Fi Shariah Al-Islam*. Kaherah: Dar Al-Syuruq.
- Ayob, W., & Abdullah Chik, N. (2016). Kepentingan Aktiviti Kitar Semula dari Perspektif Islam.

Haddade, H. (2018). Makna Al-Wiqayah dan Cakupannya Dalam Al-Quran. *Sulesana: Jurnal Wawasan Keislaman* 12(1), 99-112.

Hasyim, M. T. (2018). *Al-Wiqayah Dalam Al-Qur'an Suatu Kajian Tafsir Maudhu'i*. Makassar: Universiti Islam Negeri Alauddin.

Hidayat, A., & Sanusi, H. P. (2018). Environmental Management of the Islamic Perspective. In *Proceedings of the International Conference on Islamic Education (ICIE 2018)* (Vol. 261, No. ASSEHR, pp. 116-118). Atlantis Press.

Ibn Kathir, A. F. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim* (Vol. 8). Riyadh: Dar al-Tayyibah Linnashri wa Al-Tawzi'.

Ibrahim, R. (2002). Literasi Alam Sekitar Menurut Paradigma Agama. *Jurnal Pengajian Umum*, 3, 137–148.

Istiani, M., & Purwanto, M. R. (2019). Fiqh *Bi'ah* dalam Perspektif Al-Quran. *at-Thullab Jurnal Mahasiswa Studi Islam*, 1(1), 27-44.

Jumuah, A. (2020). *Alam Sekitar dan Pemeliharaannya dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Kamaruddin, H. (2019). Environmental Education In Malaysia: Past, Present And Future. 226-235. 10.15405/epsbs.2019.10.25.

Kamus Dewan. Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (2010).

Kementerian Alam Sekitar dan Air (2021). *Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia 2020 - 2030*. [https://www.kasa.gov.my/roadmap/Roadmap\\_KASA\\_2020-2030-ms.pdf](https://www.kasa.gov.my/roadmap/Roadmap_KASA_2020-2030-ms.pdf).

Markom, R., & Hassan, N. (2014). Kelestarian Alam Sekitar dan Pembiayaan Teknologi Hijau Dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Kanun (Jurnal Undang-Undang Malaysia)*, December, 268–287.

Michelle, E. K., & Lara, V. (2020). Thematic Analysis of Qualitative Data: AMEE Guide No. 131. *Medical Teacher*, 42(8), 846–854. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2020.1755030>

Mohamad, A. B. (2018). Konsep Hima Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Pemeliharaan Alam Sekitar (The Concept Of Hima (Public Reserve Land) In Islam And Its Relationship With Environmental Preservation). *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 2(1).

Musa, Z. M. (2010). *Fiqh Al-Bi'ah: Prinsip Interaksi Manusia dengan Alam Persekitaran*. *Jurnal Syariah*, 18(1), 1-24.

Mustafar, F. W., Hamdan, M. H. D., Jusoh, N., & Mustafar, S. (2020). Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah Dan Undang-Undang. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 96-112.

Noor, F. (2018). Pengelolaan Sumber Daya Alam Berdasarkan Prinsip Fiqh *Al-Bi'ah*. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan*, 3(1), 47-55.

Rahman, H. A., (2018). Usaha dan Cabaran dalam Mengaplikasikan Pendidikan Alam Sekitar dalam Sistem Persekolahan Di Malaysia (Efforts And Challenges In The Application Of Environmental Education In Malaysian School System). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(2).

Raswan. (2020). Pemeliharaan Lingkungan. *Jurnal Ma'had Aly Al-Musthofawiyah*, 35-47.

Ruzian, R., & Hassan, N. (2014). Kelestarian Alam Sekitar dan Pembiayaan Teknologi Hijau Dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 26(2), 268-287.

Shihab, M. Quraish. (2002). *Tafsir al-Misbah; Pesan Kesan dan Keserasian al-Qur'an*. Jakarta: Lentera Hati, 11.

Zakariyya, A. H. (1972). *Mu'jam Maqayis al-Lughah Jil 4*. Beirut: Dar al-Fikr.